



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf  
Email Staf  
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni  
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [1804 pelajar baharu UMK mendaftar untuk Sesi Akademik 2012/2013](#)

## 1804 pelajar baharu UMK mendaftar untuk Sesi Akademik 2012/2013



KOTA BHARU 5 September - Seramai 1,804 pelajar baru lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan setaraf mendaftar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), bagi mengikuti 17 program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Sesi 2012/2013.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, pihak Universiti menawarkan sebanyak 2,200 tempat pengajian bagi sesi kemasukan kali ini dan daripada jumlah itu seramai 1,804 pelajar telah mendaftar untuk pendaftaran baru (sehingga 5 September 2012).

Beliau berkata, sementara itu semua permohonan rayuan hanya akan dipertimbangkan bagi mengisi kekosongan tempat yang ada selepas proses pendaftaran pelajar baru.

"Jumlah pelajar yang ditawarkan untuk Sesi Akademik 2012/2013 di UMK mengikut empat fakulti ialah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (625 pelajar), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (448 pelajar), Fakulti Sains Bumi (292 pelajar), Fakulti Industri Asas Tani (397 pelajar) dan Fakulti Perubatan Veterinar (42 pelajar).

"Pada sesi akademik ini pendaftaran pelajar diadakan di dua lokasi iaitu UMK Kampus Kota dan UMK Kampus Jeli," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Amanat Naib Canselor kepada pelajar baharu Sesi Akademik 2012/2013 dan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Minggu Mesra Mahasiswa (3M), di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, pada 5 September 2012.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab Latif, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Penolong Naib Canselor, YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Razi bin Che Razak.



Sempena program Minggu Mesra Mahasiswa (3M) bermula pada 1 September hingga 6 September 2012, pelbagai aktiviti diadakan bagi mengukuhkan ikatan silaturrahim sesama pelajar untuk membolehkan mereka mengikuti pengajian dengan selesa melalui aktiviti suai kenal yang dilaksanakan.

Menurut Prof. Dr. Raduan, jumlah pelajar yang diterima mengikuti pengajian itu adalah sebahagian daripada sasaran UMK untuk menjadikan bilangan pelajar mencapai 12,000 orang menjelang 2015.

"Kita juga berharap menjelang 2013, 100 peratus pelajar mengikuti pengajian di universiti itu sebagai pilihan pertama hingga ketiga dan bukan menjadi pilihan terakhir mereka.

Sementara itu, Prof. Dr. Roselina memberitahu bahawa kemasukan pelajar baharu bagi sesi 2012/2013 mencatatkan jumlah tertinggi dalam tempoh enam tahun UMK beroperasi sepenuhnya sejak 2007.

Menurut beliau, pertambahan bilangan ini lebih baik dari tahun sebelumnya dan ini membuktikan usaha kita untuk memastikan UMK menjadi pilihan pelajar lepasan STPM dan setaraf telah tercapai.

"Sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terakhir dan bongsu daripada 20 IPTA di seluruh negara, kita harap dapat mencapai matlamat itu dalam tempoh tiga tahun ini.

"UMK akan menyediakan lebih banyak peluang pengajian tinggi kepada semua pelajar dan pada masa yang sama, Universiti juga perlu sentiasa mempelbagaikan program pengajian supaya ia pada akhirnya dapat memberi manfaat luas kepada masyarakat dan Negara," ujarnya.



Bilangan Pelawat :  
297670

[Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Soalan Lazim](#)

[Hubungi Kami](#)

[Bantuan](#)

[Peta Laman](#)

Fax : +609 - 7717022  
Email : webmaster@umk.edu.my  
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.